

KABINET BARU MESTI KEMBALIKAN KEYAKINAN RAKYAT

BIARPUN tanpa majoriti dua pertiga, kerajaan Barisan Nasional (BN) masih diberi mandat oleh rakyat untuk membentuk kerajaan.

Kemenangan BN di 140 kerusi Parlimen dan 307 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) memberi petunjuk bahawa masih ada kumpulan rakyat yang menaruh harapan kepada BN.

Justeru, untuk memastikan harapan rakyat dipenuhi, maka dalam menentukan barisan Kabinet kelak, aspirasi rakyat mesti diambil kira.

Jika dalam pilihan raya dulu, soal calon menjadi salah satu punca kekalahan teruk BN, maka jangan diulangi kesilapan itu dalam memilih anggota Kabinet.

Jangan juga kerana simpati maka pemimpin yang telah layu dan tewas pada pilihan raya lalu dilantik pula menjadi Senator dan kemudiannya diberikan jawatan menteri.

Semestinya amalan seumpama itu perlu dihapuskan supaya Kabinet selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 dilihat benar-benar berfungsi untuk membuat kerja.

Bukankah mereka yang menang dalam pilihan raya

lalu baik muka baru mahupun muka lama banyak yang berkaliber dan boleh diharap untuk memikul amanah rakyat?

Mengapa mesti dihadkan peluang itu kepada muka-muka lama yang bukan sahaja tewas di kawasan masing-masing malah ditolak oleh rakyat.

Bukan semua anggota Kabinet mesti berwajah muda – kalau muda pun cepat alpa, lelah dan gelap mata pun tidak ada gunanya.

Bagi pemimpin kanan, biarpun banyak usianya tetapi masih sarat dengan idea dan bersemangat membuat kerja, maka berilah keutamaan.

Jangan juga pemilihan anggota Kabinet kali ini sekadar mengisi kuota atau kerana telah ada janji-janji kepada mana-mana individu sebelum ini.

Jangan juga mereka dipilih kerana bijak melobi seperti mana terpilihnya beberapa calon dalam pilihan raya lalu semata-mata kerana gigihnya mereka mempamerkan muka di sana sini.

Kabinet baru nanti juga tidak boleh dilihat umpama

diatur-atur oleh mana-mana pihak, kerana kelak ia menimbulkan rasa tidak puas hati sekali lagi kepada kerajaan.

Perlu diingat bahawa semua anggota Kabinet yang dipilih akan bekerja untuk tempoh lima tahun akan datang. Oleh itu komitmen yang jitu, buah fikiran yang dinamik serta amanah melaksanakan tugas sepatutnya menjadi kriteria utama rangkaian anggota Kabinet 2008-2013 nanti.

Senarai anggota Kabinet baru ini mesti menjadi cerminan bahawa kerajaan BN belajar sesuatu daripada bebadah siasat kekalahan pilihan raya 2008.

Duduklah bermusyawarah dan buatlah analisis secara terperinci sebelum dimuktamadkan nama-nama yang bakal menganggotai Kabinet baru ini.

Lihat juga kepakaran dan latar belakang mereka supaya dapat disesuaikan dengan jawatan serta tanggungjawab yang dipikul kelak.

Sudah tentu rakyat yang mengundi BN inginkan barisan Kabinet yang boleh buat kerja dan dilihat membuat kerja.

Renungan

SESIAPA yang ingin diluaskan rezekinya, dipanjangkan umurnya, maka hendaklah ia memanjangkan silatur rahim.

– Riwayat
al-Bukhari

